

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

KELUARAN 8/2024 BIL. 21

Inspirasi



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
الجامعة السليمانية
سليمانية

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



100 TAHUN BERKHIDMAT KEPADA NEGARA
MAMPU • BERKUALITI • BERKEMAMUAN



Majalah Inspirasi

Majalah universiti yang diterbitkan empat bulan sekali berkonsepkan inspirasi dan eksplorasi untuk santapan pembaca

Keluaran 8/2024 Bil. 21

Ogos 2024

ISSN 1823-9331

SIDANG EDITORIAL

Prof. Madya Dr. Mohd Izwan bin Shahril

Prof. Madya Dr. Ghazali bin Din

Dr. Norfaizah binti Abdul Jobar

Marini binti Masdar

Ramli bin Mosmin

Datin Norhayati binti Hood

Nurul Hafizan binti Abdul Rahman

WARTAWAN

Ramli bin Mosmin

Ahmad Nazri bin Ismail

Mohd. Razalli bin Ahmad Termizi

Nurul Hafizan binti Abdul Rahman

Bazli bin Abdul Razak

JURUFOTO

Fisol bin Ahmad

Shahidah binti Abu Hassan

Nurul Hasniza binti Mohd Rashid

Muhammad Zuhad bin Abdul Aziz

REKA BENTUK KULIT

Redzuan Shah bin Datu Sahadun

KONSEP DAN REKA LETAK

Ramli bin Mosmin

TEKNIKAL

Mohamad Yunus bin Mohd Mustafa

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Bangunan Canseleri

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjong Malim

Perak

Emel: ccd@upsi.edu.my

Tel: 05-450 6661

@HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan majalah ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Bahagian Komunikasi Korporat, Universiti Pendidikan Sultan Idris.





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



PENCIPTA LOGO
Nurmaisara binti Ahmad
 Pejabat Karang Mengarang




Logo UPSI berwarna keemasan diletakkan dalam angka 100 bagi memaparkan legasi SITC, MPSI, IPSI dan UPSI selama 100 tahun yang masyhur dalam membina kebitaraan pendidikan negara.

Bangunan Suluh Budiman dalam angka 100 berwarna keemasan melambangkan bangunan ini kekal utuh sejak era SITC. Bangunan ini telah digazetkan sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan pada 14 Februari 2009 di bawah akta Warisan Kebangsaan 2005 justeru menjadi salah satu simbolik kemegahan UPSI.



Garisan lengkung di bawah angka 100 tahun melambangkan gelombang peredaran zaman kegemilangan UPSI. Perubahan ini dimulakan dengan SITC, MPSI, IPSI, UPSI selain meletakkan angka 1922-2022 sebagai bukti era kewujudan UPSI hingga kini.



Warna emas cerah melambangkan kegemilangan, kekayaan ilmu dan kemasyhuran pendidikan manakala warna emas gelap melambangkan daya saing, keyakinan, kerjasama sepasukan dan evolusi pendidikan yang berterusan.

PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN

Peneraju Kebitaraan Pendidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris menerajui dunia pendidikan bersandarkan nilai kebitaraan setiap warga UPSI.

قنراجو كبيتاران قندييقن

Peneraju Kebitaraan Pendidikan Institusi pendidikan terulung ini senantiasa memartabatkan tulisan jawi dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Selamat datang di edisi terbaharu Buletin Inspirasi. Dalam edisi kali ini, kami kembali hadir dengan kandungan yang terbaik hasil perkongsian pengalaman dan cerita dari warga UPSI

(kakitangan dan juga pelajar).

Buletin ini diterbitkan sebagai bentuk komitmen untuk terus memberikan informasi, menginspirasi, dan mengeratkan hubungan antara kita semua. Melalui pelbagai topik yang diangkat, kami berharap dapat memberikan wawasan baru dan memotivasi kita untuk terus berkembang bersama.

Kini kita sudah menghampiri penghujung tahun. Jika mengimbuai semula ke belakang, tahun ini sahaja pelbagai program, aktiviti serta jaringan kerjasama di antara agensi luar, lawatan luar dan pelbagai lagi inisiatif yang telah dijalankan. Secara tidak langsung program-program ini telah menaikkan nama UPSI ke peringkat kebangsaan mahupun di luar negara.

Dijangkakan pada awal bulan September satu lagi mercu tanda Daerah Muallim akan terpacat di UPSI iaitu pembukaan UPSI Sports Bowl sebanyak 24 lane yang terletak bersebelahan dengan Scholar Suites. Ia bukan sahaja untuk memberikan manfaat kepada warga UPSI sebaliknya buat

warga Muallim dan masyarakat sekitar seperti dari daerah Tapah, Bidor dan Hulu Selangor.

Selain itu UPSI juga bakal menjadi tuan rumah dalam Istiadat Perbarisan Pentauliah DiRaja dan Pengurniaan Watikah Tauliah Pegawai Kadet Palapes Universiti Awam ke-42 yang akan disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan. Melalui majlis ini pastinya UPSI sekali lagi akan menjadi tumpuan masyarakat luar yang akan berkampung sepanjang majlis ini berlangsung. Oleh itu sepanjang keberadaan mereka ini di bumi Muallim tunjukkanlah contoh yang baik dan bantu permudahkan urusan mereka sekiranya mereka memerlukan pertolongan.

Sekian, berjumpa lagi di keluaran akan datang.



PROFESOR MADYA DR. MOHD IZWAN SHAHRIL



**PROFESOR DATO' DR.
MD AMIN MD TAFF**

Bumi Muallim (SITC, MPSI, IPSI dan UPSI) tidak ketinggalan dalam melahirkan pejuang-pejuang kemerdekaan

Assalamualaikum WBT dan Salam Seabad Ibu Kandung Suluh Budiman

Bulan ini merupakan bulan sambutan kemerdekaan buat negara yang tercinta. Sepanjang penubuhan Ibu Kandung era SITC, MPSI, IPSI, UPSI serta bumi Muallim tidak terkecuali dalam melakar sejarah dalam pelbagai bidang termasuk melahirkan ramai tokoh negarawan dan lahirnya nasionalisme yang berjuang serta membangunkan negara kita yang tercinta ini. Nama-nama seperti Tun Abdul Ghafar Baba, Aminuddin Baki, Ibrahim Yaakob dan Za'ba merupakan nama yang tidak

asing buat warga UPSI. Begitu juga di Behrang, Burhanuddin al-Helmi dan Dr. Ahmad Boestamam juga sama-sama berjuang dalam menuntut kemerdekaan tanpa mengira sama ada mereka berhaluan kanan mahupun berhaluan kiri.

Kita berbangga kerana sebagai kakitangan dan pelajar telah mewarisi semangat mereka serta meniti di tapak-tapak pejuang hebat di bumi Muallim ini. Tidak lupa SITC, MPSI, IPSI dan UPSI turut melahirkan ramai pakar bangsa dan bahasa buat negara kita. Oleh itu ambillah semangat bulan kemerdekaan ini untuk kita sebagai warga UPSI membawa universiti kekal relevan dalam arus pendidikan negara. Kini dalam bidang pendidikan negara kita mesti mengetuai dalam segala aspek dan bukan lagi

hanya menjadi *follower* sahaja. Sekiranya kita menjadi *follower* pastikan kita *follow* institusi yang lebih hebat daripada UPSI.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih dari sudut hati atas segala doa, munajat, sokongan dan dorongan sahabat-sahabat sekalian untuk penyambungan saya sebagai Naib Canselor. Semoga amanah yang menggunung tinggi ini dapat saya laksanakan dengan bantuan anda semua.

Maka ayuhlah sahabat-sahabat sekalian, tinggalkanlah segala pangkat, darjat, gelaran untuk dapat sama-sama berkerja serta berganding bahu demi menjulang nama UPSI ke peringkat yang lebih tinggi. Teruskanlah semangat terus bersatu untuk menggapai pencapaian yang lebih hebat lagi.

#DemiUPSI

Inspirasi Keluaran ini

Inspirasi Pentadbir

Hanafi bin Junit, di sebalik kejayaan profesionalnya terdapat kisah perjuangan peribadi yang sarat dengan pengorbanan dan kasih sayang. Keluarga bentuk keperibadian Hanafi agar menghargai kesetiaan kepada keluarga dan pentingnya berada di sisi orang yang disayangi.

10



Inspirasi Alumni

Berasal dalam keluarga yang kurang berkemampuan membuatnya menyimpan hasrat dalam diri untuk membawa sebuah detik manis dalam keluarga dengan memberikan segulung ijazah dalam dunia pendidikan. Nur Shafiq Iqwan bin Shafiruddin buktikan tidak kira latar belakang, segala-galanya boleh dilakukan jika percaya dengan diri sendiri.

16



Eksplorasi Muallim

Terletak di Medan Selera Tanjung Malim, kedai ini sememangnya sinonim dengan nasi lemak asli orang melayu. Gerai Nasi Lemak Haji Din, ianya telah menjadi tumpuan peminat-peminat nasi lemak sejak dulu lagi sehingga sekarang. Nasi lemaknya yang mempunyai sambal yang unik dan tidak terlalu pedas menarik minat bukan sahaja orang melayu, tetapi kaum-kaum lain.

20



Warisan Ibu Kandung

Nama Rumah Za'ba diambil sempena Pendeta Za'ba, tokoh ilmuwan dan sasterawan terkemuka. Ia merupakan salah satu bangunan lama yang unik dan bersejarah di UPSI. Bangunan ini bukan sekadar lambang warisan sejarah tetapi juga bukti seni bina tradisional yang menggabungkan elemen Melayu-Kolonial.

24



Inspirasi BITARA

Pernah terpilih sebagai tokoh alumni ke-39 SITC-MPSI-IPSI-UPSI pada tahun 2018, Cikgu Rozman bin Haji Shafie atau lebih dikenali sebagai LY pernah aktif dalam penulisan lagu penyanyi tersohor Malaysia. Beliau juga menyinar sebagai seorang guru. Kepuasan terpancar apabila melihat anak muridnya berjaya mendapat pekerjaan yang baik.

30



Lain-lain

36

Wira kita

Dibesarkan di kawasan kampung. Tetamu kali ini merupakan antara 'budak nakal' yang sering menerima hukuman di sekolah. Dengan keputusan peperiksaan yang biasa-biasa, akhirnya beliau nekad mengubah kehidupan. Bukan sahaja berjaya dalam kerjaya di bidang pendidikan tetapi juga bergiat aktif dalam sukan olahraga yang akhirnya melalui sukan ini beliau telah mengharumkan nama UPSI.





Hanafi Junit: Imbangi Kerjaya dan Keibubapaan di Sebalik Ujian Hidup



Oleh:
Bazli bin Abdul Razak
bazli.razak@upsi.edu.my

Hanafi bin Junit, seorang figura yang disegani di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), telah mengabdikan dirinya sebagai Juruaudit Dalam selama 20 tahun. Dengan penuh dedikasi dan komitmen, beliau berjaya membina reputasi sebagai pemimpin yang teliti dan berintegriti tinggi. Namun, di sebalik kejayaan profesionalnya, terdapat kisah perjuangan peribadi yang sarat dengan pengorbanan dan kasih sayang.

MASA KECIL DI KULAI JOHOR DAN AKAR KEHIDUPAN

Dilahirkan dan dibesarkan di Kulai, Johor, Hanafi

membesar dalam keluarga yang ekonominya sederhana. Sejak kecil, keluarganya menekankan nilai-nilai kebersamaan dan kepentingan ikatan keluarga. Peraturan tegas yang melarangnya tinggal berjauhan ketika zaman sekolah menengah telah membentuk keperibadian Hanafi yang menghargai kesetiaan kepada keluarga dan pentingnya berada di sisi orang yang disayangi. Pengalaman ini tidak hanya memberikannya pengertian tentang erti tanggungjawab, tetapi juga mengajarnya menghargai masa bersama keluarga. Dalam masa yang sama, Hanafi bertekad untuk mengejar impian dan cita-citanya dalam bidang kerjaya walaupun berhadapan dengan pelbagai halangan.

PERMULAAN PENDIDIKAN DI KULAI, JOHOR

Beliau memulakan pendidikan awalnya di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Bukit Batu, Kulai Johor. Di sinilah beliau mula membina asas pengetahuan dan disiplin diri yang kelak menjadi tunjang kekuatan dalam perjalanan akademiknya. Walaupun bersekolah di sekolah jenis kebangsaan Cina, beliau menguasai pelbagai bahasa, mencerminkan ketekunan

dan semangat ingin tahunya yang tinggi.

Ketika menjejak alam sekolah menengah, beliau meneruskan pendidikannya di Sekolah Menengah Kelapa Sawit, Kulai, Johor. Sekolah ini terletak tidak jauh dari kampungnya dan keputusan untuk belajar di sini dipengaruhi oleh permintaan ibu bapanya. Sebagai anak bongsu, ibu bapanya berharap agar dia terus dekat dengan mereka untuk memberikan sokongan dan menemani mereka di kampung. Pengalaman bersekolah di kawasan kampung mengajar beliau tentang pentingnya kesederhanaan, kekeluargaan dan tanggungjawab.

LANGKAH MENUJU MENARA GADING: PENDIDIKAN DI ALAM UNIVERSITI

Kecemerlangan akademik Hanafi membuka jalan baginya untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti. Perjalanan ke menara gading bukanlah tanpa cabaran, namun dedikasi dan semangat yang tinggi membuatkan beliau terus melangkah maju. Selepas tamat persekolahan, Hanafi berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat

diploma di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Pahang. Pengalaman di politeknik tersebut memperkukuhkan asas pengetahuan teknikal dan kemahiran praktikalnya dalam bidang perakaunan dan pengurusan. Dengan tekad untuk terus maju, beliau seterusnya menyambung pengajian di Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah bagi Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perakaunan. Tempoh pengajiannya selama dua tahun setengah di UUM membentuk kecekapan analisis dan pemahaman mendalam dalam bidang audit dan kewangan, aspek yang menjadi landasan penting dalam kerjayanya kelak. Di peringkat ini, beliau mula mendalami ilmu dalam bidang yang kelak akan menjadi landasan kerjayanya sebagai ketua juruaudit dalaman di UPSI. Pengalaman akademik ini mengukuhkan kecekapan analisis dan kebolehannya untuk menangani isu-isu rumit dalam pengurusan organisasi.

DUNIA KERJAYA: PENGALAMAN AWAL DI SYARIKAT AUDIT

Setelah menamatkan pengajian di UUM, Hanafi memulakan langkah pertamanya dalam dunia profesional dengan bekerja di salah sebuah syarikat audit di Johor Bahru. Selama lima tahun, beliau mempelajari selok-belok dunia audit,

berdepan dengan cabaran menguruskan pelbagai jenis organisasi dan laporan kewangan yang kompleks. Pengalaman ini bukan sahaja membina ketelitian dan kepakaran teknikal, tetapi juga mengajar Hanafi untuk menangani tekanan kerja dengan efisien dan berkesan.

MENYINARI UPSI DENGAN DEDIKASI

Kerjaya Hanafi di UPSI bermula dengan tekad untuk memberikan yang terbaik. Sebagai ketua juruaudit dalaman, beliau memainkan peranan penting dalam memastikan pengurusan universiti berada dalam landasan yang betul. Tugas beliau memerlukan ketelitian yang mendalam, kerana sebarang kesilapan boleh memberi impak besar kepada reputasi dan kepercayaan terhadap institusi pendidikan tersebut.

Walaupun tanggungjawabnya menuntut perhatian penuh, beliau tidak pernah membiarkan kesibukan kerjanya menghalang perhatiannya terhadap keluarga. Ia memerlukan disiplin dan pengurusan masa yang cekap. Beliau sering mengungkapkan bahawa keberhasilan di tempat kerja dan di rumah bergantung pada kemampuannya untuk menjaga keseimbangan yang bijak.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB DI UPSI

Dilantik sebagai Ketua Juru Audit Dalam di UPSI pada tahun 2022, Hanafi bertanggungjawab dalam menguruskan semua aspek pengauditan di universiti. Jabatan beliau dianggotai oleh 14 orang staf yang terdiri daripada juruaudit, pembantu juruaudit, dan dua orang staf pentadbiran. Sebagai pemimpin, beliau menekankan pentingnya kerjasama dan integriti dalam pasukannya untuk memastikan pengurusan yang telus dan berkesan. Tugas utama beliau meliputi pengawasan terhadap beberapa pecahan audit seperti auditan prestasi, auditan pematuhan, dan auditan kewangan. Setiap pecahan ini mempunyai peranan khusus dalam mengawal dan menilai sejauh mana pentadbiran universiti mematuhi peraturan dan piawaian yang ditetapkan. Beliau bertindak sebagai tunjang untuk memastikan semua aspek pengauditan ini berjalan dengan lancar, memberikan keyakinan kepada pihak pengurusan dan pihak berkepentingan bahawa UPSI beroperasi mengikut garis panduan yang betul dan efektif.

Beliau mengambil peranan penting dalam memberi kefahaman kepada staf mengenai maksud dan tujuan auditan,

serta memperjelaskan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan.

Beliau menegaskan bahawa tugas juru audit bukanlah untuk mencari kesalahan staf, tetapi untuk memastikan amalan terbaik dipatuhi. Walau bagaimanapun, jika terdapat staf yang melakukan kesalahan, kes tersebut akan dirujuk kepada jawatankuasa audit dan disusuli dengan tindakan oleh unit Integriti UPSI. Pendekatan ini bertujuan memupuk budaya bertanggungjawab dan profesionalisme dalam kalangan staf.

KERJAYA DI UPSI DAN SOKONGAN PASANGAN

Di UPSI, Hanafi berjaya membina kerjaya yang

cemerlang sebagai ketua juru audit dalaman, memastikan ketelitian dalam pengurusan universiti. Di sisi beliau, Puan Etty Widayu memainkan peranan penting sebagai Pegawai Undang-undang di UPSI. Tugas mereka yang berat menuntut kesungguhan dan fokus yang tinggi, namun kedua-duanya mampu membahagikan masa dan tenaga untuk memenuhi tanggungjawab masing-masing.

Pasangan ini menyedari bahawa kejayaan mereka bukan sahaja diukur dari segi pencapaian kerja, tetapi juga kemampuan untuk bekerjasama sebagai ibu bapa. Puan Etty, dengan kepakarannya dalam bidang undang-undang, turut menyumbang perspektif

berharga dalam membina rumah tangga yang stabil dan penuh kasih sayang.

CABARAN MENGHADAPI KEHILANGAN DAN PENGURUSAN ANAK ISTIMEWA

Ujian besar datang ketika keluarga mereka kehilangan puteri sulung. Tragedi ini menggoncang hati mereka, tetapi sokongan antara satu sama lain membantu mereka bangkit dan terus melangkah. Hanafi dan isterinya berusaha bangkit kembali demi anak-anak mereka yang lain. Rintangan semakin besar apabila salah seorang anak mereka disahkan menghidap autisme. Ini memerlukan pengorbanan yang berterusan, baik dari segi kewangan mahupun masa.





Setiap bulan, Hanafi dan isterinya harus membawa anak mereka menjalani terapi yang menelan belanja RM 300 satu sesi, satu komitmen yang mereka pikul bersama. Puan Etty, meskipun sibuk dengan tugas sebagai Pegawai Undang-undang, selalu memastikan dirinya hadir bersama Hanafi ketika sesi terapi anak mereka. Komitmen mereka berdua menunjukkan bahawa peranan sebagai ibu bapa memerlukan pengorbanan

yang setara. Mereka bergiliran merancang jadual kerja dan urusan rumah tangga agar anak-anak mereka, terutama yang menghidap autisme, mendapat perhatian dan kasih sayang sepenuhnya.

TOLERANSI DAN KESEPAKATAN DALAM RUMAH TANGGA

Bersama-sama, Hanafi dan isterinya membentuk pasukan yang kukuh, memastikan setiap anak

mendapat perhatian yang secukupnya. Walaupun mereka sibuk dengan tugas di UPSI, keduanya selalu berbincang dan menyusun jadual agar dapat meluangkan masa bersama anak-anak mereka, khususnya anak yang memerlukan perhatian khusus. Kehadiran Puan Etty di samping beliau dalam sesi terapi dan perancangan aktiviti keluarga menunjukkan bahawa hubungan suami isteri yang kukuh adalah asas kejayaan

keluarga ini. Kecekalan Hanafi dan isterinya dalam menghadapi ujian hidup adalah contoh ketabahan yang menginspirasi. Mereka membahagikan masa dengan teliti, memastikan semua anak mendapat perhatian secukupnya. Komunikasi terbuka dan kehadiran aktif dalam kehidupan anak-anak membantu mencipta suasana keluarga yang harmoni dan penuh kasih sayang. Bagi pasangan ini, kejayaan bukan sahaja tentang pencapaian profesional, tetapi juga keupayaan menjaga keseimbangan antara tanggungjawab kerjaya dan keluarga.

INSPIRASI UNTUK RAMAI


Kisah Hanafi Junit adalah contoh bagaimana seseorang mampu mengimbangi antara kejayaan kerjaya dan tanggungjawab keluarga, walaupun diuji dengan pelbagai cabaran.

Ketabahannya menjadi inspirasi bagi mereka yang mungkin menghadapi situasi serupa, bahawa setiap ujian dapat ditempuhi dengan kekuatan hati

dan keikhlasan. Hanafi tetap teguh melangkah ke hadapan dengan dorongan keluarga tercinta dan rakan-rakan yang memahami kerjayanya.

Beliau mengingatkan kita bahawa di sebalik kesibukan kerjaya, kebahagiaan sejati terletak pada kasih sayang dan kebersamaan bersama keluarga.





Nur Shafiq Iqwan, Realisasi Impian Gapai Kejayaan



Oleh:
Nurul Hafizan binti Abdul
Rahman
nurulhafizan@upsi.edu.my

Kali ini, Majalah Inspirasi memaparkan kisah kejayaan alumni yang penuh inspirasi untuk memberikan anda harapan dan dorongan. Tidak kira latar belakang, ini menunjukkan bahawa segala-galanya boleh dilakukan jika anda percaya dengan diri sendiri.

Nur Shafiq Iqwan bin Shafiruddin, anak kelahiran Bentong namun dibesarkan di Temerloh, Pahang merupakan anak kedua dari lima orang adik beradik. Dilahir dan dibesarkan dalam keluarga yang sederhana menjadikan beliau dilatih agar sentiasa berjimat cermat sejak kecil.

Kehidupan kami sekeluarga amat sederhana dengan bapa bekerja sendiri sebagai penoreh getah untuk mencari nafkah bagi menampung keperluan keluarga, manakala ibu hanyalah seorang suri rumah, katanya mengimbas kehidupan awalnya.

PENDIDIKAN

Shafiq Iqwan memulakan pendidikan awal di Tadika Kemas Kg. Raja Songsang, Temerloh. Seterusnya pengajian peringkat rendah di Sekolah Kebangsaan Seri Songsang, Temerloh. Pada tahun 2007, beliau mendapat tawaran memasuki Sekolah Model Khas Yayasan Pahang iaitu SMK Seri Tualang (Sekolah Indera Shahbandar Pahang) dari darjah 4 sehingga darjah 6 dan memperoleh 4A 1B dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun 2009.

Saya meneruskan pengajian menengah di sekolah yang sama, SMK Seri Tualang dan memperoleh 7A 1B dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2012. Saya kemudiannya memilih aliran kemahiran dan melanjutkan pengajian di Kolej Vokasional (KV) Puteri, Temerloh serta mengambil Sijil Vokasional Malaysia dan Peperiksaan Setara SPM dan memperoleh Diploma Kemahiran Malaysia (Tahap 4) dalam bidang Seni Kulinari. Minat yang mendalam dalam bidang kulinari membolehkan saya menyambung pengajian dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Ekonomi Rumah Tangga) dengan Kepujian.

KESUSAHAN DAN KEPAYAHAN

Keperitan dan kekangan ayah yang bekerja di luar kawasan memaksa ibu dan ayah menghantar saya untuk tinggal di asrama seawal usia 10 tahun (darjah 4) sehingga berusia 15 tahun (tingkatan 3).

Apabila tiba giliran minggu balik bermalam, jarang sekali saya berpeluang merasai diambil di asrama kerana ayah masih bekerja di luar. Kebiasaannya saya akan menumpang kawan-kawan yang lalu di hadapan rumah ataupun menumpang kawan ke bandar Temerloh untuk menaiki bas untuk pulang.

Teringat kembali saat di Tadika Kemas, ibu terpaksa berjalan kaki dari rumah ke tadika untuk menjemput kami kerana motor rosak. Rasa sedih pada ketika itu kerana ibu sarat mengandung adik yang keempat. Bermula saat itu, terdetik dalam hati satu perkara, "Kalau kita kaya kan seronok."

Ditakdirkan rumah yang kami sekeluarga berteduh adalah kawasan banjir. Setiap hujung tahun ataupun awal tahun kami sekeluarga akan bekerja lebih masa untuk mengemas keperluan rumah dan memindahkannya ke tempat yang lebih tinggi supaya tidak ditenggelami air banjir.

IMBAUAN ZAMAN PERSEKOLAHAN

Semasa sepanjang sesi persekolahan di SK Seri Songsang, Temerloh saya rasa selamat kerana mempunyai seorang kakak yang sangat

menjaga adiknya. Kakak juga merupakan seorang pengawas yang ditakuti oleh murid-murid yang lain kerana tubuhnya yang tinggi dan besar. Pergi dan balik sekolah kami dua beradik menumpang kereta bapa saudara yang anaknya juga bersekolah di situ. Teringat suatu ketika apabila saya diminta oleh guru Bahasa Inggeris untuk membuat persembahan *story telling* di perhimpunan. Itulah buat kali pertamanya saya berdiri di hadapan untuk bercakap menggunakan mikrofon. Sebelum berpindah ke SMK Seri Tualang, saya dilantik menjadi ketua kelas dan guru kelas pada ketika itu adalah Cikgu Kartini. Seronok kerana kelas kami sering memenangi pertandingan kelas tercantik.

Semasa di SISP SMK Seri Tualang, terasa diri agak kerdil kerana di situ merupakan sekolah kluster yang

mempunyai tapisan rapi dan teliti untuk layak masuk ke sekolah tersebut. Di sekolah menengah juga sering dilabel sebagai murid kesayangan guru kerana saya memang rapat dengan cikgu-cikgu di sekolah.

Fasa sekolah menengah di SMK Seri Tualang adalah fasa di mana saya mula mengetahui bakat dan kekuatan diri saya. Bermula dengan dilantik menjadi seorang Exco Asrama seawal tingkatan tiga dan memegang portfolio Exco Ibadah dan Kerohanian Asrama. Saya diberi kepercayaan apabila dilantik menjadi pengawas sekolah semasa di tingkatan 3. Saya juga terlibat dalam aktiviti kebudayaan seperti nasyid dan bermain alat muzik gamelan serta pernah mewakili daerah Temerloh dalam pertandingan nasyid.

BAKAT SEMAKIN MENYINAR

Kemahiran dan pencapaian semakin menyerlah semasa pengajian di KV Puteri. Saya mewakili sekolah dalam bidang masakan dan ukiran buah di beberapa peringkat dan pencapaian di pertandingan Battle of The Chef 2014 peringkat antarabangsa dengan anugerah Silver Award. Manakala pertandingan peringkat kebangsaan iaitu Pertandingan KV Skill (Hot Cooking), Pertandingan KV Skill (Ukiran Buah) dan johan di pertandingan Imperia Open Competition.

Di KV Puteri juga, saya dilantik menjadi Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar selama dua sidang dan menerima anugerah Dekan pada setiap semester.

PERNAH TULAR

Pengalaman manis Shafiq Iqwan selain dapat menyambung pengajian peringkat ijazah sarjana muda selepas tamat pengajian di KV apabila beliau dilantik sebagai Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UPSI Sesi 2020/2021.

Pernah tular apabila diraikan seperti dalam majlis perkahwinan yang meriah. Penerima Anugerah MSEAM sempena Istiadat Konvokesyen UPSI ke-25 itu menjadikan pengalaman yang manis dilaluinya apabila diraikan lebih 30 rakan, kakitangan dan pensyarah pada hari konvokesyen tahun lalu. Katanya, mereka yang meraikannya ialah tulang belakangnya yang sanggup bersusah payah bersamanya sepanjang empat tahun menuntut di UPSI.

Apa yang saya boleh katakan adalah dalam berkawan jangan menyimpan. Dalam berkawan jangan mencari salah dan dalam berkawan jangan sesekali menyusahkan dan mengambil peluang. Saya yakin bahawa dengan sikap saya yang tidak pernah berkira dalam membantu mahasiswa lain itu serba sedikit memberikan satu titik permulaan kesenangan dalam diri mereka untuk mengenali saya dengan lebih dekat.

Mereka ini semua kawan baik susah dan senang yang mencerikan hari saya terutama selepas arwah nenek saya meninggal dunia semasa saya bertugas sebagai Rakan Suai Kenal bagi minggu orientasi Pelajar Degreeambilan September 2019 dan Rakan



Pesta Konvokesyen (Peskon).

Selain itu, mungkin juga faktor diri ini yang sering bekerja dan menyapa pelajar baharu semasa minggu orientasi menyebabkan mereka mudah untuk berkawan dan menegur saya.

BERANI GALAS TANGGUNGJAWAB

Bermula dengan pendedahan berkaitan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) selepas melibatkan diri dalam dunia kepimpinan sebagai Rakan Exco MMK Kolej Za'ba. Seterusnya saya memberanikan diri menerima tawaran sebagai Yang Dipertua Persatuan Mahasiswa Keluarga & Sains Konsumer (FTV) dan memegang jawatan YDP selama 2 sesi (semester 2 hingga 4).

Saya menerima jawatan ini adalah untuk belajar selok belok pengurusan daripada sudut pandang seorang ketua dalam organisasi. Berbekalkan pengalaman yang ada, saya terus membeli borang pencalonan MPP selepas mendapat nasihat, sokongan dan dorongan daripada keluarga dan kawan-kawan sekeliling.

CABARAN SEBAGAI MPP

Saya perlu bijak membahagi masa antara akademik dan tugas sebagai seorang YDP MPP yang banyak terlibat dengan mesyuarat pengurusan yang melibatkan suara dan idea mahasiswa. Selain itu, pengurusan emosi sangat penting dalam menguruskan isu atau masalah dalam kalangan pelajar, tidak boleh ada kepentingan peribadi.

Sebagai ketua, saya perlu mengetahui setiap perkara yang terjadi dalam kampus supaya dapat menjawab persoalan yang dilontarkan oleh mahasiswa. Keterlibatan dan masa terhad untuk keluarga juga menjadi cabaran terbesar saya kerana perlu sentiasa berada di kampus untuk memastikan setiap isu selesai serta mudah untuk berjumpa dengan pihak pengurusan jika dipanggil.

SOKONGAN PADU ORANG SEKELILING

Bukan senang untuk menggalas jawatan kalau tidak kerana sokongan orang-orang di sekeliling saya. Contohnya, dianugerahkan rakan sekelas (*coursemate*) yang sangat memahami apabila mempunyai tugas secara berkumpulan. Selain itu, organisasi MPP yang sentiasa membantu dalam melengkapkan dan menyempurnakan sesuatu tugas.

Saya mempertaruhkan manifesto memperkasakan badan pelajar di Fakulti Teknikal dan Vokasional (FTV) dengan mewujudkan Majlis Perundingan Pelajar FTV dan menjaga kebajikan pelajar dengan menubuhkan Tabung Kebajikan Mahasiswa FTV.

Keluarga saya juga menjadi tulang belakang dan menyokong sepenuhnya, mereka tidak mendesak untuk selalu pulang ke rumah terutama jika terlibat dengan program semasa cuti semester. Saya amat berterima kasih kepada ibu saya kerana dia sentiasa ada sewaktu saya memerlukannya.

Perkara berharga bagi saya, kereta Saga Merah yang saya peroleh semasa semester 4, kerana saya menggunakan seluruh duit hasil daripada kerja sambilan saya untuk membayar bulanan kenderaan. Kereta itu juga banyak memudahkan pergerakan saya sepanjang bergelar mahasiswa di UPSI.

CARA ATASI KRITIKAN

Menerima kritikan dari orang lain memang tidak mudah, apalagi bila kritik tersebut disampaikan dengan tidak semestinya. Ya. Kritikan daripada pelajar menjadi perkara utama dalam memimpin sebuah organisasi yang besar. Selari dengan isu semasa kerana kami mula bersidang pada zaman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Cara saya dan organisasi mengatasi kritikan dengan menapis kritikan daripada mahasiswa kepada dua kategori iaitu kritikan berasas ataupun kritikan untuk menjatuhkan. Jika kritikan berasas, saya dan pasukan akan mengkaji, berbincang dan memperbaiki semua isu yang dijadikan kritikan oleh mahasiswa.

Saya juga melihat kepada dasar atau punca kritikan berlaku. Jika perlu ditambahbaik, pihak MPP akan terus berjumpa dengan pihak yang terlibat untuk selesaikan secepat mungkin. Kami juga bekerjasama agar barisan MPP tidak menempelak kritikan tersebut di media social kerana ia akan lebih parah dan teruk, jadi perbincangan di pihak MPP secara terbuka akan dilakukan. Saya juga akan berjumpa terus dengan mahasiswa yang terlibat supaya tiada elemen menokok tambah dalam kritikan yang diterima.

PENGLIBATAN YANG BOLEH DIJADIKAN TAULADAN

Saya merasakan semua penglibatan sepanjang pengajian menjadi bonus atau elemen tambahan semasa sesi temuduga sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Ini kerana, saya yakin persiapan untuk temuduga saya lebih teratur kerana sudah terbiasa bekerja mengikut jadual dan ketetapan yang telah dibuat. Susunan dokumentasi juga lebih kemas memandangkan saya pernah menyediakan dokumen, fail serta bahan untuk pengurusan organisasi.

Selain itu, pengetahuan tentang isu semasa lebih banyak kerana saya banyak terlibat dengan seminar, forum dan pelbagai program yang melibatkan perbincangan akademik dan bukan akademik di peringkat universiti mahupun Kementerian.

Bagi pengurusan acara, saya mempunyai lebih pengetahuan berbanding calon/ guru baharu yang lain dalam pengurusan acara, penyediaan mesyuarat, perancangan program dan pengurusan murid memandangkan selatu terlibat dengan acara di universiti dan dalam masa yang sama menguruskan hal ehwal pelajar.

TIDAK BOLEH DUDUK DIAM

Saya memang tidak boleh duduk diam. Walaupun kini saya berkhidmat sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di SMK Kuala Krau bermula 28 Disember lalu, namun saya masih aktif membuat kerja sampingan dengan mengambil tempahan pulut kuning berhias, pakej ukiran

buah dan penyediaan makanan pengantin dengan katering-katering di sekitar Temerloh.

KELUARGA PEMBAKAR SEMANGAT

Berasal dalam keluarga yang kurang berkemampuan menjadikan saya menyimpan hasrat dalam diri untuk membawa sebuah detik manis dalam keluarga dengan memberikan segulung ijazah dalam dunia pendidikan. Saya juga anak lelaki yang pertama, sebagai abang dalam keluarga ingin membuktikan bahawa anak lelaki juga boleh memberikan satu persepsi dan tanggapan yang baik kepada keluarga. Selain itu saya juga ingin memberikan contoh tauladan yang baik "kalau abang boleh buat kenapa tidak kamu."

Selain menyimpan keinginan untuk ke Istanbul, Turkiye' disebabkan suasana dan pemandangan di negara sana sangat memberikan ketenangan dan keseronokan kepada saya, saya bercita-cita

untuk melanjutkan pengajian dalam bidang sarjana dan doktor falsafah. Berhasrat ingin menjadi seorang pensyarah di universiti dalam bidang pendidikan yang berkaitan dengan Vokasional.

HOBİ MASA LAPANG

Mengedit poster menggunakan aplikasi Canva. Walaupun saya tiada pendedahan dan persijilan dalam dunia pengeditan dan digital. Saya memang suka menyunting poster mahupun banner. Di SMK Kuala Krau, saya bertanggungjawab dalam memastikan semua program yang berlangsung di asrama dapat dimasukkan dalam poster untuk tujuan laporan dan rekod.

Berkebun dan menanam bunga. Agak asing bagi seorang lelaki yang minat dan gemar menanam bunga. Tapi itulah saya yang sering meluangkan masa lapang atau semasa cuti sekolah dengan menguruskan bunga yang telah ditanam di sekitar halaman rumah mahupun asrama. "Dekat dengan alam, hati rasa tenang,



jiwa makin lapang, tekanan dalam diri pun kurang.”

SENTIASA PERBAIKI DIRI

Dalam belajar kita kena mengajar. Sebagai seorang mahasiswa kita harus sentiasa fokus kepada tugas hakiki kita sebagai seorang pelajar dengan belajar dengan efektif dan sistematik. Jangan bebankan diri dengan satu perkara sahaja sepanjang berada dalam dunia universiti. Cari, gali dan teroka ilmu dan kemahiran yang lain dengan melibatkan diri dengan dunia kepimpinan dan pengurusan program supaya kita mempunyai nilai tambah dalam diri. Selain itu, asah kemahiran berkomunikasi,

bertolak ansur dan profesional dalam sesuatu bidang agar kita akan sentiasa disegani dan dihormati walau di mana kita berada.

HARAPAN KEPADA UPSI

UPSI adalah sebuah universiti yang cukup hebat. Hasrat saya di masa akan datang adalah UPSI dapat menghasilkan lebih ramai lagi graduan pendidikan yang mempunyai

nilai yang berbeza daripada graduan universiti yang lain. Selain itu, semoga UPSI juga terus berjaya membuat penyelidikan dan pembaharuan dalam bidang pedagogi supaya dapat membentuk seorang Pendidikan yang mampu menghasilkan murid yang kreatif, inovatif dan progresif.





Nasi Lemak Haji Din



UNTUK TEMPAHAN

 019 236 5715

 019 236 5715

Nasi Lemak Haji Din: Terbaik dari Tanjong Malim



Oleh:
Mohd Razalli bin Ahmad
Termizi
razalli@upsi.edu.my

PENGENALAN

Menjadi rakyat Malaysia sejati, ramai yang membesar dengan nasi lemak sehingga menjadi sajian ruji, selalunya sebagai sarapan pagi. Rasa nasi yang lemak dan beraroma serta digaul bersama sambal ikan bilis, telur rebus ataupun telur goreng, kacang goreng dan timun, setiap suapan terasa begitu nikmat sekali sehinggalah ke suapan terakhir. Nasi lemak mendapat namanya daripada rasa nasi itu sendiri yang lemak. Ia tidak seperti nasi biasa yang ditanak menggunakan air biasa, nasi lemak dimasak menggunakan santan kerana terdapat beberapa khasiat tambahan yang diperolehi daripada santan. Pada zaman dahulu, nasi lemak akan dimasak di atas api yang sederhana (atau dimasak menggunakan kaedah kukus) dan perlu sentiasa dipantau bagi mengelakkan santan daripada menjadi hangit. Selain santan, nasi turut dimasak bersama bawang putih, halia dan serai bagi meningkatkan lagi aroma dan rasa nasi tersebut.

SEJARAH NASI LEMAK

Di Malaysia, nasi lemak mempunyai rekod sejarah seawal tahun 1909 oleh Richard Olaf Winstedt, seorang cendekiawan dan pentadbir kolonial. Berdasarkan bukunya "Life and Customs: The Circumstances of Malay Life", beliau menyatakan: "He (the Malay cook) will boil the rice along with such spices as carraway seeds, cloves, mace, nutmeg and ginger and garlic, in dripping or coconut oil; or he will boil it in coconut milk instead of water..." Sumber: R.O. Winstedt (1909), 'The Circumstances of Malay Life: The Circumstances of Malay Life'. pg. 62.

SEJARAH KEDAI NASI LEMAK HAJI DIN

Di Tanjong Malim, gerai Nasi Lemak Haji Din yang kini diusahakan oleh Haji Malek Farok bin Haji Zainal Abidin sangat tersohor dan sering dikunjungi oleh masyarakat dalam dan luar Tanjong Malim.

Ia terletak di Anjung Selera Tanjong Malim berhadapan dengan stesen kereta api Tanjong Malim. Haji Malek Farok merupakan anak jati Tanjong Malim, berasal dari Kampung Simpang Empat Lahir pada tanggal 2 Jun

1961 dan kini berusia 63 tahun. Mendapat pendidikan rendah dan menengah di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Methodist, Tanjong Malim. Selepas SPM, beliau menyertai Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM). Beliau menamatkan perkhidmatan pada tahun 2003. Sebelum bersara, beliau menjalani latihan di Jabatan Hal-Ehwal Veteran ATM (JHEV) dan memperolehi Diploma 'Hotel and Catering.' Walaupun, mendapat pelbagai tawaran pekerjaan dengan gaji yang lumayan tetapi selepas berbincang dengan keluarga beliau mengambil keputusan untuk meneruskan legasi keluarga meniaga nasi lemak.

Sejarah perniagaan Nasi Lemak Haji Din bermula dari tahun 1976 yang diusahakan oleh ibu bapa Haji Malek iaitu Haji Zainal Abidin bin Ariffin dan Hajah Salmah binti Zainuddin. Mereka memulakan perniagaan dengan memperolehi tender kantin di Hospital Tanjong Malim (kini Klinik Kesihatan Tanjong Malim). Haji Zainal Abidin bekerja sebagai pemandu ambulan. Selepas tamat tender pada 1979, beliau berjaya memperolehi tapak perniagaan bersebelahan stesen bas Tanjong Malim pada tahun 1980. Pada masa



Terawih kerana keletihan dan dengan keuntungan yang tidak seberapa. Barulah beliau faham apa yang dimaksudkan dengan ayahnya “jangan tamak...”. Beliau juga berpegang pada pesanan ayahnya, rezeki berniaga bukan hanya datang dari kebijaksanaan kita menguruskan perniagaan tetapi juga datang dari tangan-tangan pekerja kita. Oleh itu, jangan sombong dengan pekerja dan kongsi rezeki dengan pendekatan memberi imbuhan kepada pekerja secara harian atau bulanan jika jualan amat menggalakkan. Di samping itu, jika ada orang meminta sedekah jangan hina. Berilah sekadar mampu.

PENJENAMAAN SEMULA MENU

tersebut, kedai mereka dikenali sebagai Nasi Lemak Hajah Salmah. Mulai 2001, atas cadangan Haji Malek sendiri perniagaan mereka dijenamakan sebagai Nasi Lemak Haji Din.

Pada tahun 2003, Haji Malek mula mengambil alih sepenuhnya perniagaan Nasi Lemak Haji Din. Pada masa itu, kedai telah berpindah ke Medan Selera berhadapan Masjid Jamek Tanjong Malim tetapi beliau masih mengekalkan waktu perniagaan sejak dulu iaitu pukul 6.30 pagi hingga 12.00 tengah hari. Pada masa inilah beliau menyedari kebenaran bahawa perniagaan adalah

satu daripada sumber rezeki yang terbesar dan pekerjaan yang terpuji. Maka tidak hairanlah jika Haji Malek menemui kebahagiaan dan keseronokan di dalam perniagaan. Bapa kepada 3 orang anak (2 orang lelaki dan seorang perempuan) mengakui ada percubaan memanjangkan masa perniagaan tetapi dipesan oleh ayahnya “jangan tamak...”. Walau bagaimanapun, beliau mengorak langkah dengan berniaga di bazar Ramadhan tetapi hanya bertahan selama 1 minggu sahaja kerana beliau menghadapi kesukaran untuk menjaga solat Maghrib, Isyak dan

Pada mulanya, menu makanan hanyalah nasi lemak (50 sen sebungkus), mi goreng dan mihun goreng. Berkat perniagaan tersebut, Ibu bapanya dapat mengerjakan haji sebanyak 10 kali. Haji Malek sendiri yang telah mengerjakan haji sebanyak 2 kali (2004 dan 2019) juga telah mengekalkan menu tersebut sehingga mereka berpindah ke Anjung Selera pada tahun 2022. Selepas berbincang dengan pekerjaanya, beliau mengambil keputusan untuk menambah lauk-pauk. Bermula dengan ayam goreng, seterusnya menambah menu

rendang ayam, sambal sotong, rendang kerang dan paru masak cili. Ini untuk memastikan gerai Nasi Lemak Haji Din terus mendapat sambutan yang menggalakkan. Hasilnya, ia berupaya menarik pelanggan terutama semasa cuti umum dan cuti sekolah.

RAHSIA BERNIAGA

Menurut Haji Malek, dalam menguruskan perniagaan makanan, beliau kena mengetahui segala-segalanya daripada pemilihan bahan-bahan masakan, proses memasak sehingga ke pengurusan jualan. Ini penting kerana kita dapat mengetahui secara mendalam tahap keuntungan yang diperolehi. Selain itu, beliau juga menitik beratkan kualiti makanan yang disediakan. Contohnya, beras yang digunakan adalah campuran beras wangi dan beras biasa gred A. Bagi penyediaan santan pula, bekalan santan daripada kedai yang sama dan sedikit minyak masak dimasukkan bersama-sama beras. Bagi Haji Malek, sambal adalah menu utama bagi nasi lemaknya. Oleh itu, bawang Holland untuk sambalnya adalah campuran bawang dari negara Holland dan bawang Holland daripada negara China dengan nisbah 4:2. Manakala, ramuan cili kering pula ialah campuran cili kering kerinting dan cili kering gemuk. Beliau menggunakan ikan bilis gred

A dan sebahagiannya dikisar diadun bersama sambal. Proses memasak sambal pula dimulakan pada 12.30 tengah hari di kedai dalam satu kawah besar.

Hasil daripada pendekatan masakan tersendiri, maka tidak hairanlah Nasi Lemak Haji Din mendapat sambutan merentasi bangsa dan agama. Cheah Wai Lup, 40 pengusaha kedai jam Ban Lee, Tanjong Malim menjadi penggemar nasi lemak Haji Din dari umur enam tahun lagi. Beliau memuji kelainan rasa pada nasi lemaknya dan sambalnya yang tidak berapa pedas. Menurut Haji Malek, ada maklumbalas pelanggan menyatakan bahawa nasi sahaja pun sudah sedap.

PERANCANGAN MASA HADAPAN

Mengakui hakikat legasi perniagaan ini perlukan pelapis. Haji Malek mengembangkan perniagaannya dengan membuka *food truck* di hentian sebelah Rawang arah selatan yang diuruskan oleh anak lelaki kedua beliau, Ashraff Farouq. Kini, perniagaan tersebut telah masuk tahun kedua dibantu oleh tiga orang pekerja dan dibuka 24 jam. Bagi kedai di Anjung Selera pula kemungkinan akan diambil alih oleh anak bongsu beliau, Ashrill Farouq yang kini bertugas sebagai Penolong Pengurus di Sime Darby.



Rumah Za'ba: Warisan Sejarah dan Seni Bina Melayu-Kolonial di UPSI



Oleh
Ahmad Nazri bin Ismail
nazri.i@upsi.edu.my

Rumah Za'ba merupakan salah satu bangunan lama yang unik dan bersejarah di UPSI. Nama rumah ini diambil sempena Pendeta Za'ba, tokoh ilmuwan dan sasterawan terkemuka, yang pernah menetap di rumah ini pada suatu

ketika dahulu. Bangunan ini bukan sekadar lambang warisan sejarah tetapi juga bukti seni bina tradisional yang menggabungkan elemen Melayu-Kolonial. Rumah Za'ba dibina sekitar tahun 1917 hingga 1920 dan mempunyai keluasan 224 meter persegi. Dibuat sepenuhnya daripada kayu, rumah ini mencerminkan reka bentuk tradisional Melayu yang halus, dengan

ciri-ciri kolonial yang menambah keindahannya.

Reka bentuk rumah ini terdiri daripada dua bilik tidur, sebuah dapur, ruang kerja, serta kamar mandi yang terletak di bahagian belakang rumah. Pendeta Za'ba tinggal di rumah ini selama 15 tahun ketika beliau berkhidmat di sini sebelum diarahkan berpindah ke Singapura pada tahun 1939.



Setelah pemergian beliau, rumah ini dibiarkan kosong untuk satu tempoh masa yang panjang sebelum akhirnya dijadikan salah satu galeri untuk pelawat yang datang ke UPSI.

Pada tahun 2009, rumah ini sekali lagi mengalami perubahan fungsi apabila ia diubah menjadi pejabat untuk kakitangan bahagian keselamatan UPSI. Walaupun digunakan sebagai pejabat, ciri-ciri asli rumah ini tetap dipelihara dengan beberapa penambahbaikan dilakukan. Antara perubahan yang paling ketara ialah warna rumah yang asalnya kuning dicat semula menjadi biru. Langkah ini bertujuan untuk memastikan kualiti kayu yang digunakan dalam pembinaan rumah ini kekal terpelihara dan tidak mudah reput, sejajar dengan usaha memelihara warisan sejarah UPSI. Kini, Rumah Za'ba terus berdiri megah, menjadi saksi kepada sejarah, dan kekal sebagai ikon penting di UPSI.

EVOLUSI FUNGSI RUMAH ZA'BA: DARI KEDIAMAN TOKOH KE WARISAN SEJARAH

Rumah Za'ba telah menjalani pelbagai perubahan fungsi sejak ia mula dibina sekitar tahun 1917 hingga 1920. Dibina dengan seni bina Melayu-Kolonial yang unik, rumah ini awalnya digunakan sebagai tempat kediaman Pendeta Za'ba, seorang tokoh penting dalam dunia

kesusasteraan dan intelektual Melayu. Beliau tinggal dan berkhidmat di rumah ini selama 15 tahun sehingga tahun 1939, sebelum diarahkan berpindah ke Singapura. Pada masa itu, rumah ini menjadi simbol kesederhanaan dan ketekunan hidup seorang ilmuwan besar.

Selepas Pendeta Za'ba meninggalkan rumah ini, ia dibiarkan kosong untuk tempoh yang agak lama. Pada tahun 2002, Perpustakaan Tuanku Bainun yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga rumah tersebut telah menjadikannya sebagai Galeri Za'ba. Rumah ini telah dijadikan sebagai galeri pameran untuk pelawat ke UPSI. Dalam peranan ini, Rumah Za'ba berfungsi sebagai ruang memaparkan sejarah serta menghormati sumbangan besar beliau dalam pembangunan ilmu dan bahasa Melayu. Ia menjadi tempat pelawat dan pelajar mengenali lebih dekat tokoh tersebut serta memahami kehidupan dan kerja beliau. Pada tahun 2009, fungsi Rumah Za'ba berubah lagi apabila ia diubah menjadi pejabat untuk bahagian keselamatan UPSI. Dalam peranan ini, rumah tersebut disesuaikan dengan keperluan pejabat tanpa menjejaskan elemen asal seni binanya. Beberapa penambahbaikan dilakukan, termasuk menukar warna

asal rumah daripada kuning kepada biru untuk melindungi kayu dari kerosakan.

Pada tahun 2016, Rumah Za'ba dijadikan sebagai muzium. Sehingga kini, Rumah Za'ba terus berdiri sebagai lambang warisan sejarah dan budaya di UPSI. Walaupun telah melalui pelbagai perubahan fungsi, rumah ini tetap memelihara nilai sejarahnya, menjadi ikon penting yang menghubungkan generasi masa kini dengan warisan intelektual dan budaya masa lalu.



L.Y. Music Factory



LY: Pendidik dan Komposer...Seiring dan Sejalan



Oleh:
Mohd Razalli bin Ahmad
Termizi
razalli@upsi.edu.my

PENGENALAN

Tuan Haji Cikgu Rozman bin Haji Shafie atau lebih dikenali sebagai LY berkelulusan Master in Art Education (UPSI), tahun 2009, B.A in Fine Art, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor, tahun 1996 dan Sijil Perguruan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), tahun 1984. Beliau terpilih sebagai tokoh alumni ke-39 SITC-MPSI-IPSI-UPSI pada 21 Ogos 2018. Beliau juga merupakan ahli seumur hidup Persatuan Karyawan Malaysia, Ahli Persatuan Music Author Copyright Protection Malaysia (MACP).

Beliau juga turut aktif dalam menyumbang tenaga dan melibatkan diri di dalam pelbagai aktiviti sebagai panel hakim bagi pertandingan nyanyian yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, RTM, badan-badan kerajaan dan swasta, bank dan lain-lain. Berpengalaman sebagai juri profesional bagi Anugerah Industri Muzik (A.I.M), Muzik-muzik, Anugerah Juara Lagu, Anugerah Industri Nasyid IKIM dan sebagai panel simposium, pemsyarah jemputan dan pembentang kertas kerja dalam seminar. Beliau telah menyumbangkan lagu gubahannya kepada ramai artis di tanah air seperti penyanyi malar hijau Datuk Sharifah Aini, Dato' Sri Siti Nurhaliza, Kumpulan Spring, Liza Hanim, kumpulan Exist, Ella, Ziana Zain, Deja Moss, Ning Baizura, Safura, Fauziah Latiff, Hafiz Suip dan lain-lain. Gubahan lagu beliau juga telah berjaya menembusi industri muzik Indonesia seperti "Satukan Hati Kami" (1995), "Hanya Perhiasan" (1995) oleh Poppy Mercury, "Mengapa" (1995), "Kau" (1998), "Bulan Berenda Biru" (2000) dan "I Love You Babe" (2012) oleh Nicky Astria, "Betapaku Cinta Padamu" (1997) oleh Dato' Sri Siti Nurhaliza, Bahagiamu Deritaku (2012) oleh Hafiz Suip dan banyak lagi untuk pasaran Indonesia.

Selain itu, LY berpeluang bekerjasama dengan penyanyi penyanyi luar negara seperti Album Dewi Yul, "I Wonder" Kumpulan North (E.M.I.

Australia, 2006), "Ini Cintaku Yang Pertama" Eren Feat Rahmad (Indonesia, 2012), Rakaman "Gadis Melayu" Jericho Gonzales (Filipina, 2006), Penerbit Vokal 'Afi 2' (Indonesia, 2007), Penerbit Vokal Album 'Kumpulan Tof' (Indonesia, 2010) dan "Penerbit Vokal Alda "Aku Tak Biasa" (Indonesia).

LATAR BELAKANG DAN PENDIDIKAN

Tuan Haji Rozman bin Haji Shafie merupakan kelahiran negeri Johor pada tanggal 22 Mac 1960 di Kampung Mahmoodiah, Johor Bahru. Mempunyai tujuh orang adik-beradik dan merupakan anak keempat. Bapanya, Shafie Mahmud berasal dari Muar dan ibunya, Aminah binti Rawi berasal dari Batu Pahat. Bapanya bekerja di hospital dan mereka menetap di Taman Sri Pandan, Johor Bahru. Beliau mendapat pendidikan rendah di Sekolah Rendah Temenggong Abdul Rahman, Johor Bahru dan pendidikan menengah di Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru sehingga Tingkatan 6. Nama pena LY berasal dari nama panggilan di kampung iaitu Loz (L) dan nama panggilan isteri beliau iaitu Yati (Y).

Minat terhadap kerjaya perguruan menyebabkan beliau menyambung pengajian di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjong Malim pada 1982 sehingga 1984. Pada masa tersebut, kerjaya perguruan masih dipandang rendah oleh masyarakat. Minat

tersebut tercetus daripada cara pengajaran Cikgu Zainab, guru Bahasa Melayu di Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru. Dalam kalangan adik-beradik beliau, empat orang menjadi guru tetapi hanya beliau sahaja yang mengajar Bahasa Melayu. Manakala, yang lain menjadi guru Bahasa Inggeris.

Oleh kerana minat mendalam dalam bidang Kesusasteraan Melayu terutama dalam memprosa puisi mendorong beliau mengambil bidang Pengajian Melayu di MPSI, Tanjong Malim. Sumber inspirasi beliau dalam bidang puisi ialah Usman Awang, A. Samad Said dan Masuri S.N. Ketiga-tiga tokoh sastera ini mempunyai laras bahasa yang berlainan. Misalnya, puisi Usman Awang mempunyai falsafah yang tinggi. Puisi A. Samad Said pula mempunyai bahasa yang indah, jelas, mengesankan dan berupaya mengetuk hati. Manakala, Masuri SN sering menggunakan bahasa kabur atau abstrak dalam puisinya.

Selepas menamatkan pengajian di MPSI dalam Pendidikan Seni dan Pengajian Melayu, membolehkan beliau mengajar subjek Bahasa Melayu dan Seni Visual. Beliau mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kahang, Kluang dan SMK Majidi Baru (kini SMK Tun Syed Nasir Ismail), Johor Bahru. Selepas itu, pada tahun 1996, beliau melanjutkan pelajaran dalam Ijazah Sarjana Muda Fine Art di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Seterusnya, Cikgu LY mengajar di SMK Kampong Jawa, Klang dan SMK Sijangkang Jaya, Kuala Langat. Pada tahun 2006, menyambung di peringkat sarjana di UPSI dalam bidang pendidikan seni.

Hasil perkongsian kehidupan dengan Puan Norahayati Hashim (Baiduri) (62 tahun) memperolehi lima orang cahayamata. Kini, mereka menetap di Kota Kemuning, Shah Alam. Mengimbau kenangan awal perkenalan, mereka berkenalan di dalam bas sekolah semasa Cikgu LY di Tingkatan 6 dan Baiduri di Tingkatan 5.

MPSI DAN TANJONG MALIM ERA 1982-1984

Beliau sejujurnya cepat teruja dengan sejarah maka menjadi pelajar MPSI memenuhi minat beliau kerana MPSI kaya dengan sejarah, bermula dengan SITC pada tahun 1922. Cikgu Rozman sememangnya berbakat dalam bidang seni kerana semasa Minggu Suaikenal Pelajar Baharu, beliau mendapat tempat pertama dalam pertandingan nyanyian. Sepanjang Minggu Suaikenal pada masa tersebut, pelajar akan dibawa melawat Masjid Jamek Tanjong Malim, Balai Polis Tanjong Malim dan Tanah Perkuburan, Kg. Ketoyong.

Di MPSI, beliau menjadi AJK Penerbitan untuk majalah dan buletin. Mereka sering berkumpul di Khutub Khanah O.T. Dussek. Beliau aktif dalam penulisan puisi bersama dengan R Azmi, Sri Bayan dan Azhar Che Ri (aktivis teater). Pada masa itu, beliau bergerak dalam Angkatan Sasterawan Muda (ASASMU). Dalam berpuisi, mereka berbicara tentang persekitaran dan perasaan. Pengeraknya ialah Shahnnon Ahmad (Allahyarham Dato' Shahnnon bin Ahmad). Pada masa tersebut, bangunan yang masih dalam ingatan

beliau ialah bangunan KDP, rumah pengetua, dewan SITC dan Surau An-Nur (juga dikenali sebagai surau Pak Aris). Bercerita mengenai Pak Aris, beliau sangat dihargai dan dikenali oleh semua pelajar MPSI. Surau tersebut amat meriah terutama semasa majlis berbuka puasa sepanjang bulan Ramadan.

Beliau juga aktif bermain bola keranjang. Di samping itu, selalu bersama rakan-rakan bermain gitar di gazebo, Taman Astakona



berhadapan dengan rumah pengetua MPSI. Mereka juga pernah menjemput Lim Swee Tin mendeklamasi puisi di situ. Mereka akan melagukan puisi dan merekodkan lagu-lagu tersebut dalam kaset. Ia akan disimpan oleh Pusat Teknologi MPSI. Beliau juga pernah menghantar demo lagu-lagu tersebut untuk pertandingan lagu sempena sambutan Hari Wilayah tetapi ditolak. Mengenang detik berkenaan agak menarik sebab kini beliau menjadi juri bagi pertandingan tersebut. Di MPSI, mereka juga pernah mengadakan program deklamasi dan nyanyian puisi memperingati perjuangan Palestin terutama solidariti peristiwa pembunuhan beramai-ramai di kem pelarian Sabra dan Shatilla pada 16 September 1982.

Mengimbu persekitaran pekan Tanjong Malim pada masa tersebut, terdapat masjid, stesen keretapi dan bangunan Telekom. Di depan bangunan Telekom, hanya ada satu pondok telefon awam dan ia menjadi rebutan pelajar-pelajar MPSI. Mereka terpaksa berbaris panjang untuk mendapatkan giliran. Di hadapan bangunan Telekom juga, ada benteng tempat jualan makanan dan minuman. Di sinilah, beliau jumpa nasi ayam warna kuning dan makan nasi impit dengan kuah kacang. Di MPSI juga beliau terdedah kepada gerakan Al-Arqam dan gerakan Tabligh di mana medan untuk beliau usaha atas kerohanian dan ibadah. Beliau juga terkenal mandi sungai berdekatan dengan MPSI yang mempunyai garis pemisah air sungai yang jernih dan keruh. Kenangan di stesen bas pula, teringat sebuah gerai yang menjual nasi lemak

dan pulut sambal. Semasa di semester ketiga, beliau tinggal di belakang bangunan Hospital Tanjong Malim (kini dikenali sebagai Klinik Kesihatan Tanjong Malim (KKTm)). Beliau mengimbu peristiwa, beliau dan rakan-rakan sering berbual kosong di sebuah rumah sehingga larut malam rupanya sebenarnya rumah tersebut adalah rumah mayat hospital.

PENDIDIK BERWIBAWA

Kepuasan seorang guru apabila melihat anak muridnya berjaya mendapat pekerjaan yang baik. Di sekolah, beliau bukan sahaja, mengajar Bahasa Melayu dan Pendidikan Seni tetapi pernah mengajar subjek Sejarah dan Pendidikan Moral. Semasa di SMK Kahang, Kluang, ramai pelajar berbangsa Cina dan kurang memahami Bahasa Melayu. Beliau terpaksa belajar Bahasa Cina yang mudah untuk melancarkan komunikasi. Di sekolah tersebut juga mulanya minat beliau terhadap seni dan kebudayaan.

Pada pandangan beliau, seorang guru hendaklah kreatif dan mengajar dengan penuh minat dan bersemangat serta sentiasa pandang ke hadapan. Semasa mengajar, secara kiasannya jika tiada papan hitam, gunalah medium lain dan guru perlu sentiasa memastikan semua muridnya dapat menerima ilmu yang disampaikan. Beliau menyatakan mengajar adalah minatnya, kejayaan murid adalah bonus.

Beliau juga berkongsi pengalaman sebagai pendidik yang komited, pernah mengadakan kelas tambahan yang dijenamakan sebagai

“Kelas Program Cemerlang” yang diadakan setiap hari Sabtu di Sek. Men. Majidi Baru (kini SMK Tun Syed Nasir Ismail), Johor Bahru. Ia khusus untuk murid perlu bantuan dalam pelajaran disebabkan sikap dan lemah pembelajaran, kehadiran kurang kerana sakit, dan yang selalu kurang kehadiran ke sekolah. Murid-murid ini dikenalpasti melalui buku kedatangan sekolah dan guru kelas. Guru-guru yang terlibat secara sukarela mengikut jadual dan keperluan murid itu seperti kelas membaca, mengira dan menulis dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Pelajar diasingkan mengikut mata pelajaran yang mereka perlu bantuan kecuali yang betul-betul lemah. Mata pelajaran Agama setiap minggu juga diajar untuk meningkatkan sahsiah dan pegangan murid. Pada masa ini, saya baru tahun ketiga mengajar dan pengetua sekolah, Wan Mohd Kassim bin Wan Abu Bakar (1987 - 1988) sangat menyokong. Hasilnya, program tersebut telah melahirkan seorang doktor. Menghargai sumbangan beliau, SMK Sijangkang Jaya, Kuala Langat telah menganugerahkan tokoh guru kepada beliau. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Penolong Pengarah Jemaah Nazir selama 11 tahun dan di Bahagian Ko-Kurikulum dan Keseniaan di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Beliau bersara pilihan semasa berumur 57 tahun pada 2019 dengan niat untuk mendapat masa berkualiti bersama keluarga. Pencapaian lain sepanjang kerjaya ialah anugerah karya emas- pengiktirafan daripada KPM, tahun 2006, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

tahun 2009, Anugerah Pekerja Contoh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, tahun 2013 dan Anugerah Ikon Guru Peringkat Kebangsaan tahun 2013.

PENGLIBATAN DALAM INDUSTRI MUZIK

Sebenarnya, minat Cikgu Rozman dalam seni bermula dari kecil lagi. Semasa umur 12 tahun, beliau sudah belajar bermain gitar. Berusia 14 tahun, beliau sudah mempunyai kugiran sendiri dan aktif bermain majlis perkahwinan dan korporat. Beliau mempunyai pilihan sama ada hendak menyambung ke Tingkatan 6 atau terus bermain muzik, beliau pilih untuk sambung belajar. Beliau berpandangan apabila teruskan pelajaran, muzik akan berjalan seiringan. Beliau juga berpegang pada prinsip “muzik itu bakat...belajar itu pendidikan...” Muzik sudah bermula dalam keluarga Cikgu Rozman dan digunakan sebagai terapi dalam keluarga. Mulanya, beliau semasa remaja cenderung kepada muzik rock seperti Iron Maiden untuk kesegaran semasa belajar. Minat menulis lagu bermula daripada buku puisi dan pantun nukilan bapanya sendiri. Semasa

berumur 16 tahun, beliau mula menulis lagu dengan sokongan ibunya dan impian ibunya untuk melihat Cikgu LY menjadi penulis lagu yang berjaya.

Lagu pertama nukilan lirik oleh LY ialah lagu “1511” dendangan kumpulan Bumiputra Rockers pada tahun 1987. Selepas rehat yang agak panjang pada 1992, beliau bersama isterinya, Baiduri menghasilkan lagu “Bayangan Gurauan” nyanyian kumpulan Mega. Lagu tersebut telah menjadi juara rancangan “Pujaan 10 Nescafe” anjuran Radio Televisyen Malaysia (RTM) pada tahun 1993.

Pencapaian lain merangkumi juara lagu paling popular radio- “Bayangan Gurauan”- kumpulan Mega (1993) , juara kategori Balada, Juara Lagu (AJL) 1997- “Aku Cinta Padamu”- Siti Nurhaliza, penerima Anugerah Industri Muzik (AIM)- Album Pop Terbaik (1999), Album Terbaik (1999), Album Nasyid Terbaik (2000 dan 2001) dan pemenang AJL 28 (2014) “Bahagiamu Deritaku” dendangan Hafiz Suip.

Pengalaman beliau yang berharga turut dikongsi bersama dengan memenuhi jempukan untuk

membincangkan topik muzik tanah air, antaranya sebagai panel dalam simposium “Creating a Hit Song”, yang dianjurkan oleh Music Authors’ Copyright Protection (MACP), sebagai pensyarah jemputan untuk Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR), Tokoh Bahasa sebagai penceramah Majlis Sambutan Bahasa Kebangsaan, berkongsi dengan pelajar Malaysia dan menjadi juri di Midwest games, University of Michigan - Ann Arbor, Amerika Syarikat dan jemputan ilmiah yang lain. Kini, beliau dan Baiduri sudah menjadi orang lama dalam industri. Banyak masa diluahkan untuk membimbing generasi baharu dalam industri muzik melalui bengkel, media sosial dan program atas talian. Harapan beliau dapat melahirkan pencipta, penulis lirik dan produser lagu yang berkualiti serta mempunyai falsafah memajukan bangsa, negara dan agama. Mengakhiri sesi wawancara, Cikgu LY menyelitkan pesanan untuk sesiapa yang berminat dengan industri muzik khusus kepada penggubah lagu dan penulis lirik.

Teruskan...jadikan satu KPI dalam industri...tuliskan lagu untuk kebaikan kepada semua... memberikan impak... menjadikan ia satu kemajuan dalam industri itu sendiri... jadikanlah ia sebagai pencetus.







Larian emas Dr. Rozi – Ajak ahli akademik untuk aktif dalam bidang sukan selain tumpu dalam dunia akademik



Oleh
Ramli bin Mosmin
ramli_m@upsi.edu.my

PENGENALAN

Tetamu kami dikeluarkan kali ini merupakan seorang pensyarah di Fakulti Bahasa dan Komunikasi yang baharu sahaja mencipta nama dalam sukan olahraga di Kejohanan Sukan Universiti Awam Malaysia (SUKUM). Dr. Rozi telahpun menghadihkan UPSI dua pingat emas di Kejohanan SUKUM 2024 yang diadakan di UMS, Sabah baru-baru ini. Dilahirkan pada tahun 1990 di Kluang, Johor, dan dibesarkan dalam sebuah keluarga yang sederhana. Rozi merupakan anak ke


lapan daripada sembilan orang adik-beradik, termasuk adik-beradik tiri. Ayahnya meninggal dunia semasa beliau belajar di tingkatan dua, menyebabkan Rozi terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dalam proses perkembangan dari zaman remaja ke dewasa. Meskipun begitu, ibunya yang berkerja sebagai seorang pesawah dan dalam masa yang sama juga berkerja kilang, telah membesarkan beliau dan adik beradik yang lain dengan penuh kasih sayang dan ketabahan. Walaupun dibesarkan dalam keluarga yang tidak kaya, ibunya sentiasa berusaha keras untuk memberi yang terbaik untuk keluarga. Kehilangan ibunya pada tahun 2022 sangat memberi kesan,

tetapi keinginan ibunya yang ingin melihatnya berjaya membakar semangatnya untuk terus berusaha dan berjaya tetap menjadi sumber inspirasi dalam kehidupannya.

PENDIDIKAN

Memulakan pendidikan di SK Kahang dan meneruskan sekolah menengah dari tingkatan satu hingga enam di SMK Tengku Arif Bendahara. Mengakui dirinya bukanlah seorang pelajar yang cemerlang semasa di sekolah dan dikategorikan pelajar yang nakal dan sering terlibat dengan kes-kes pergaduhan di sekolah seperti pelajar nakal yang lain. Kesedaran mula timbul selepas tamat peperiksaan SPM, Dr. Rozi





mula bekerja sementara, di situlah timbulnya erti kesusahan untuk mencari wang sendiri. Ia memberikan tekad dalam diri untuk memperbaiki hidupnya melalui pendidikan yang baik. Setelah tamat tingkatan 6, Dr. Rozi dapat tawaran melanjutkan pelajaran ke Universiti Sains Malaysia (USM) dalam bidang Sastera dan Pendidikan. Selepas menamatkan pengajian di USM, beliau memilih untuk menjadi seorang guru dan memulakan kerjaya pada tahun 2016 di Johor Baharu. Kejayaan yang dicapai ini menjadi buah mulut penduduk kampung agar mereka mencontohi kejayaan Dr. Rozi untuk sama berjaya dan mengubah nasib kehidupan dan masa hadapan masing-masing. Atas rasa tanggungjawab dan berterima kasih pada orang kampungnya Dr. Rozi sanggup mengambil inisiatif berulang alik setiap hujung minggu balik ke kampung dari Johor Baharu untuk memberikan kelas tambahan secara percuma kepada warga sekolah di kampungnya. Kepuasan terpancar apabila mampu mengubah pelajar yang tidak boleh membaca kepada boleh membaca.

Tidak puas dengan kejayaan menjawat jawatan guru, Dr. Rozi bertekad untuk keluar dari zon selesa selepas tamat ijazah dan menyambung pengajiannya ke peringkat yang lebih tinggi. Dengan

usaha dan kewangan sendiri, Dr. Rozi menyambung pengajian di peringkat Sarjana dan akhirnya berjaya menyelesaikan pengajian tersebut sebelum melanjutkan ke peringkat PhD yang juga diterima dari USM. "Saya juga berterima kasih kerana keluarga, walaupun mereka tidak mempunyai pendidikan tinggi, namun sentiasa memberi sokongan moral yang besar dalam perjalanan akademiknya."

Pada tahun 2020, beliau menerima tawaran sebagai pensyarah di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), dalam masa yang sama beliau juga menerima tawaran dari USM. Ia merupakan satu pencapaian yang terbaik hasil daripada usaha dan pengorbanannya selama ini termasuk berulang alik dari Johor Baharu ke Pulau Pinang samasa menyambung pelajaran di peringkat Master dan PhD. Walaupun banyak cabaran yang dihadapi dalam pengajiannya, beliau tetap berpegang pada prinsip bahawa kejayaan adalah hasil daripada kerja keras, kesabaran, dan sokongan keluarga. "Saya berharap kisah hidup saya dapat memberi inspirasi kepada mereka yang mungkin menghadapi kesukaran dalam mencapai cita-cita, bahawa dengan usaha dan tekad, tiada yang mustahil." tambah bapa kepada dua cahaya mata ini.

Menjadi kebanggaan dalam keluarga kerana Dr. Rozi merupakan satu-satunya adik beradik dalam keluarga yang berjaya menyambung pelajaran hingga ke peringkat universiti. Walaupun telah berjaya Dr. Rozi tidak melupakan adik beradik yang lain walaupun sudah kematian kedua ibu bapanya. Dr. Rozi tetap menjaga hubungan baik dengan adik beradik yang lain dengan sering pulang ke kampung untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan.

PENGLIBATAN DALAM SUKAN

Bermula dari sekolah rendah, Dr. Rozi telah terlibat dalam pelbagai jenis sukan seperti olahraga, hoki, dan bola sepak. Kini beliau hanya menumpukan dan berminat terlibat dalam sukan olahraga terutamanya bagi acara larian jarak jauh seperti 5,000 dan 10,000 meter. Pada mulanya, saya tidak begitu berminat dengan sukan ini, tetapi pengaruh daripada rakan-rakan yang menyertai acara olahraga membuatkan saya lebih terbuka untuk mencuba. Semasa menjadi pelajar di Universiti Sains Malaysia (USM), saya aktif dan turut menyertai kejohanan Liga Futsal IPT dalam acara bola sepak futsal mewakili universiti. Walaupun sukan futsal menjadi kegemaran utama, acara larian akhirnya menjadi fokus utamanya, terutama selepas membuat

keputusan untuk menjaga kesihatan dan berhenti daripada tabiat merokok yang saya amalkan sejak belajar di tingkatan dua. Untuk mengatasi masalah ini dan memperbaiki kesihatan, saya memulakan aktiviti berlari. Saya berharap dengan berlari, saya dapat menghilangkan kesan buruk akibat tabiat merokok yang telah saya amalkan.

Pada tahun 2019, Dr. Rozi mula serius dalam sukan olahraga dengan melakukan latihan secara konsisten dan berstruktur. Sebagai permulaan, saya belajar dan mendapat info melalui tutorial di YouTube dan mengatur sesi latihan sendiri dengan fokus pada aspek tempo, daya tahan (*endurance*), dan latihan di gimnasium. Bagi mendapatkan pengalaman dan cabaran yang sebenar di sesuatu kejohanan. Dr. Rozi mula banyak menyertai kejohanan larian anjuran dari mana-mana penganjur di seluruh negara. Kejohanan yang disertai sangat penting kerana ia mengajarnya cara mengatasi rasa gemuruh sebelum pertandingan berlangsung dan meningkatkan prestasi semasa berlumba. Setiap perlumbaan adalah peluang untuk memperbaiki diri dan mencapai keputusan yang lebih baik. Bagi saya, perjalanan dalam sukan olahraga bermula ketika saya di tingkatan dua. Sejak 2019, saya telah berjaya menempuh lebih daripada

12,000 kilometer dalam usaha untuk meningkatkan stamina dan kesihatan saya. Aktiviti ini bukan sahaja memberi manfaat fizikal, tetapi juga membantu saya membina disiplin diri dan kekuatan mental.

Namun, penglibatannya dalam sukan olahraga tidaklah mudah. Salah satu cabaran terbesar adalah pengurusan pemakanan, terutama untuk acara trek dan jalan raya, yang memerlukan disiplin tinggi. Kos menyertai kejohan juga semakin lama semakin tinggi sukar bagi atlet yang menghadapi masalah kewangan. Ia akan melibatkan kos pengangkutan, penginapan, makan, perubatan dan lain-lain. Hadiah yang diterima juga tidak begitu lumayan, dan menyedari bahawa kerjaya dalam sukan ini tidak menjamin masa depan yang stabil berbanding sukan-sukan lain, kecuali jika seseorang itu mempunyai bakat yang luar biasa. Oleh itu, saya berpendapat bahawa sukan olahraga tidak seharusnya menjadi satu-satunya pilihan kerjaya. Pendidikan tetap perlu diutamakan untuk memastikan masa depan yang lebih terjamin.

HARAPAN

UPSI memiliki ramai atlet (kakitangan dan pelajar) yang berbakat dalam bidang sukan, namun untuk

mengasah bakat ini, lebih banyak kejohanan perlu dianjurkan. Kejohanan yang lebih kerap akan memberi pelajar peluang untuk mendapat pengalaman berharga dalam dunia sukan dan meningkatkan tahap persaingan mereka. Selain itu, penting juga untuk melibatkan ahli akademik dalam menyokong pembangunan sukan di universiti ini. Peruntukan yang lebih besar perlu diberikan untuk memastikan pelajar dan kakitangan dapat menyertai kejohanan tanpa terbeban dengan kos, supaya mereka tidak perlu menggunakan duit poket sendiri untuk membiayai penyertaan mereka.

Selain itu, minat dalam sukan ini turut membuka peluang dalam kerjaya akademik. Setelah memenangi pingat dalam kejohanan SUKUM, saya menerima tawaran daripada beberapa universiti untuk menjadi pensyarah, namun saya memilih untuk kekal di UPSI kerana saya percaya dengan potensi universiti ini dalam menggabungkan aspek pendidikan dan sukan secara holistik. UPSI memberi saya peluang untuk terus berkembang dalam kedua-dua bidang ini, selain menjadi tempat yang menyokong perkembangan akademik saya.

Keputusan untuk memilih UPSI bukanlah satu pilihan yang mudah, namun beliau yakin dengan visi

dan misi universiti ini dalam mendidik pelajar dan menggalakkan penglibatan aktif dalam sukan. Dalam perjalanan kerjaya di UPSI, Dr. Rozi dapat terus memberi inspirasi kepada pelajar-pelajar di sini, terutama dalam bidang sukan di samping membimbing mereka dalam pendidikan. UPSI menawarkan suasana yang seimbang antara kerjaya akademik dan sukan, memberi ruang untuk dirinya mengejar kedua-dua dengan sepenuh hati.

Dr. Rozi percaya bahawa dengan menjadi sebahagian daripada kakitangan UPSI, beliau akan cuba memberi impak yang lebih besar kepada generasi akan datang, baik dalam bidang akademik mahupun sukan. Sukan dan pendidikan adalah dua bidang yang perlu seiring dalam membentuk kejayaan dan UPSI merupakan institusi yang menghargai kedua-dua bidang ini.



PENCAPAIAN Mohamad Rozi bin Kasim

BIL	KEJOHANAN/ PROGRAM	KEDUDUKAN
1	10,000M Lelaki Senior, Olahraga MAKSAK Kebangsaan 2024	No. 7
2	5,000M Lelaki Senior, Olahraga MAKSAK Kebangsaan 2024	No. 9
3	Toyota Outrun 10KM kategori Malaysia Men Open	No. 10
4	1500M Lelaki Senior, SUKUM UMS 2024	Emas
5	5000M Lelaki Senior, SUKUM UMS 2024	Emas
6	5000M Lelaki Senior, SUKUM UPM 2022	Perak
7	Futsal Liga IPT 2012 wakil USM	Penyertaan



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اونيورسيتي قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS KELUARAN 8/2024 BIL. 21

Inspirasi